

SURAT BERITA – EDISI 12

MEI 2023

Dalam edisi ini, kami memberi sorotan kepada ringkasan penyelidikan yang disediakan oleh pasukan ROSA setiap suku tahun. Melalui sesi perjumpaan dengan ahli Panel Kehidupan Singapura® (SLP), kami menyedari keinginan ahli SLP untuk lebih memahami kesan maklum balas anda kepada penyelidikan yang dilakukan. Kami harap, dengan berkongsi ringkasan penyelidikan kami dengan anda melalui cara ini, anda akan lebih memahami tujuan tinjauan ini, serta kepentingan maklum balas anda setiap bulan.

Ringkasan Penyelidikan ROSA

Ringkasan Penyelidikan ROSA ialah laporan yang ditulis oleh pasukan ROSA yang memberi sorotan kepada dapatan daripada penyelidikan kami yang dijana daripada data yang anda, sebagai ahli Panel Kehidupan Singapura® beri kepada kami. Ringkasan Penyelidikan ini disediakan untuk berkongsi penemuan daripada penyelidikan kami bersama pembuat dasar dalam kementerian yang berkenaan serta orang awam. Berbanding dengan penerbitan akademik seperti artikel jurnal, Ringkasan Penyelidikan kami menitikberatkan cadangan yang boleh dilaksanakan dan saranan untuk menangani isu semasa. Sejak tahun 2020, kami telah menerbitkan 16 ringkasan penyelidikan. Ia tersedia untuk umum di laman web kami, dan dikongsi secara langsung dengan wakil kementerian.

Dalam surat berita ini, kami ingin berkongsi dua Ringkasan Penyelidikan yang terkini yang diterbitkan pada Mac 2023 oleh pusat ini. Di bawah ialah rumusan Ringkasan Penyelidikan, dan anda boleh mengakses Ringkasan Penyelidikan penuh dengan mengimbas kod QR yang disertakan di bawah setiap rumusan. Buat masa ini, ringkasan ini hanya tersedia dalam Bahasa Inggeris.

1. Kebimbangan akan kos sara hidup dalam kalangan warga tua di Singapura

Dalam laporan ini, kami meneliti tahap kebimbangan ahli SLP terhadap kos sara hidup yang kini semakin meningkat disebabkan beberapa faktor termasuk kadar inflasi yang meningkat secara mendadak. Dalam bulan Ogos 2022, kami bertanya kepada responden tentang tanggapan mereka terhadap kemungkinan mengalami

kesan kewangan negatif, serta mengenal pasti jenis perbelanjaan yang paling membimbangkan mereka. Laporan ini memberi dapatan utama dan menunjukkan orang yang mungkin paling berisiko mengalami kesan kewangan negatif dalam beberapa bulan akan datang, serta jenis sokongan yang mungkin diperlukan oleh golongan ini.

Anda boleh mengimbas kod QR berikut untuk mendapatkan ringkasan penuh:



2. Kesejahteraan Sosial Warga Emas di Singapura

Kesejahteraan sosial adalah penting tetapi sudut ini sering diabaikan dalam kesejahteraan keseluruhan warga emas. Pengukuran kesejahteraan sosial menggunakan versi adaptasi kaedah yang dibangunkan oleh Cory M. Keyes telah dibuat terhadap ahli SLP kami pada November 2022. Seterusnya kami bentangkan keputusan berkenaan kesejahteraan sosial warga emas Singapura, dan meneliti cara beberapa faktor seperti ketersediaan kemudahan kejiranan, kekerapan menyertai aktiviti sosial dan kesejahteraan mental berhubung kait dengan kesejahteraan sosial. Dapatan tersebut menyorot aspek kesejahteraan sosial warga emas yang paling memerlukan sokongan, dan mencadangkan cara untuk meningkatkan kesejahteraan sosial mereka.

Anda boleh mengimbas kod QR berikut untuk mendapatkan ringkasan penuh:




Untuk melihat ringkasan penyelidikan yang telah kami terbitkan sebelum ini, anda boleh lawati laman web kami di <https://rosa.smu.edu.sg/resources/publications>. Semua Ringkasan Penyelidikan kami telah dimuat naik di sini. Kami akan terus berkongsi terbitan ringkasan penyelidikan kami dengan anda dalam surat berita yang akan datang, nantikan ia!

Ringkasan daptan daripada tinjauan kami


Dalam surat berita edisi ini, kami ingin berkongsi dengan anda beberapa dptan terkini daripada tinjauan kami. Dalam bulan Januari 2023, kami telah bertanya tentang simpanan dan persediaan kewangan anda untuk persaraan. Ini adalah bidang penyelidikan yang penting bagi ROSA kerana kewangan yang stabil semasa persaraan merupakan aspek penting untuk melalui usia emas dengan berjaya. Melalui penyelidikan ini, kami berusaha untuk mengenal pasti golongan warga emas yang mungkin lebih berisiko tidak bersedia secara kewangan untuk persaraan.

Gambar rajah 1: Kadar responden yang percaya pendapatan mereka mencukupi untuk keperluan perbelanjaan mereka Sentiasa/Kebiasaannya/Jarang atau Tidak pernah, berdasarkan sama ada mereka mempunyai atau pernah mempunyai pelan persaraan.



Maklumat di atas menunjukkan kadar responden berumur 65 tahun ke atas yang percaya pendapatan isi rumah mereka cukup untuk keperluan perbelanjaan mereka (sama ada Sentiasa, Kebiasaannya, Jarang/Tidak pernah), berdasarkan sama ada responden mempunyai pelan perbelanjaan persaraan (sama ada Ya, Boleh dikatakan, atau Tidak). Keputusan ini menunjukkan peserta SLP yang telah merancang simpanan persaraan mereka lebih yakin simpanan mereka sentiasa mencukupi untuk keperluan perbelanjaan mereka, berbanding peserta yang hanya 'boleh dikatakan' mempunyai atau tidak mempunyai pelan persaraan langsung. Oleh itu, ini menjadi bukti awal berkenaan kesan pelan persaraan terhadap kesejahteraan kewangan sebenar semasa persaraan.

Gambar rajah 2: Kadar responden yang mempunyai/tidak mempunyai simpanan persaraan mengikut kumpulan umur



Kami juga telah bertanya jika anda mempunyai atau pernah mempunyai pelan simpanan persaraan. Seperti yang dapat dilihat dalam carta di atas, sebahagian besar responden kami menyatakan sama ada mereka mempunyai atau pernah mempunyai pelan simpanan persaraan, dengan 70% responden berumur 58-72 tahun dalam tahun 2023 telah membuat pelan simpanan persaraan. Kami juga dapati lebih sedikit responden (62%) berumur 73-78 tahun pernah mempunyai pelan simpanan persaraan. Ini mungkin disebabkan usaha menggalakkan warga Singapura untuk menyediakan pelan simpanan persaraan mungkin tidak dimulakan pada masa yang mencukupi untuk memberi faedah kepada responden dalam kumpulan usia ini.

Dapatannya menyerlahkan kesan sebenar pelan simpanan persaraan terhadap jaminan kewangan apabila kita meningkat umur dan bersara. Perancangan awal

merupakan kunci dan tiada istilah sudah terlambat untuk memulakan. Kami dapat walaupun ramai responden telah membuat pelan simpanan persaraan, lebih daripada suku daripada mereka yang belum mencapai umur persaraan masih belum menyediakan pelan simpanan persaraan. Dapatkan ini menunjukkan keperluan untuk meningkatkan kesedaran kepentingan pelan persaraan dalam kalangan mereka yang belum mempunyai pelan. Berdasarkan situasi ini, kami ingin menggalakkan responden yang lebih muda untuk mula merancang persaraan secepat mungkin jika anda belum berbuat demikian!

Sesi Perjumpaan Panel Kehidupan Singapura® dalam bulan Januari dan Februari 2023

Sejak perjumpaan ahli SLP diadakan bermula pada lewat tahun 2022, kami telah menerima maklum balas positif daripada peserta. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli SLP yang menyertai sesi baru-baru ini dan kerana berkongsi komen dan pengalaman yang bermakna.

Sebaik sahaja tersedia, jemputan ke sesi perjumpaan akan dihantar kepada responden melalui e-mel untuk menjemput anda menghadiri sesi perjumpaan ini. Sekiranya anda tidak mempunyai alamat e-mel berdaftar dengan Panel Kehidupan Singapura® tetapi ingin menghadiri sesi ini, sila hubungi pusat talian kami melalui nombor 6808 7910 dan daftarkan minat anda. Kami akan berusaha supaya anda boleh menghadiri salah satu acara kami yang akan datang.

Hubungi Kami

Jika anda telah berubah alamat atau nombor telefon, memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk menjawab tinjauan, atau ada sebarang soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Utama Pusat kami di nombor 6808 7910 (10 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat) atau e-mel kepada slp@smu.edu.sg. Kami sentiasa sudi mendengar daripada anda.



Ahli SLP yang telah menyertai sesi perjumpaan Januari (atas) dan Februari 2023 (bawah). Terima kasih kerana menyertai kami!